

KAJIAN PERSEPSI TERHADAP KREDIBILITI JURULATIH LUAR DI DALAM PROSES (P&P) DI POLITEKNIK SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH. (SATU ANALISA KE ATAS PARA PELAJAR YANG MENGAMBIL UNIT BERUNIFORM ASKAR WATANIAH SESI DISEMBER 2015)

Roslee Bin Uyob
Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Muazzin Bin Mohd Mahadi
Jabatan Perdagangan
Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana persepsi anggota yang mengambil kokurikulum badan beruniform "Askar Wataniah" terhadap kredibiliti jurulatih luar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi sesi disember 2015. Ianya dilihat dari beberapa aspek tertentu seperti kebolehpercayaan terhadap jurulatih, tanggapan terhadap kompetensi jurulatih, dinamisme jurulatih dan perlakuan semasa jurulatih. Kajian ini telah dijalankan di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS) dan seramai 144 orang anggota yang terdiri daripada pelajar – pelajar yang menyertai badan beruniform askar wataniah telah dipilih sebagai sample. Data-data yang didapati, diproses dan dianalisa dengan menggunakan 'Statistical Package for Social Sciences' (SPSS). Setiap bentuk item dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual. Terdapat juga analisis yang dilakukan secara manual. Setiap analisis yang dipersembahkan adalah dalam bentuk kekerapan dan peratusan. Kajian ini telah menggunakan soalselidik yang mengadungi 2 bahagian utama iaitu bahagian demografi yang mengadungi empat soalan dan juga bahagian kedua yang mengadungi 33 soalan terdiri daripada pembolehubah bebas merangkumi dimensi kebolehpercayaan terhadap jurulatih, kompetensi jurulatih, dinamisme jurulatih dan perlakuan semasa jurulatih ketika perlaksanaan proses P&P dijalankan. Soalan-soalan ini dibina berdasarkan kepada petikan-petikan daripada Haskin (2000). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa secara purata kesemua item pembolehubah bebas adalah melebihi nilai 3.3 dan ini menunjukkan bahawa kredibiliti jurulatih luar adalah tinggi pada persepsi pelajar.

Kata kunci: kredibiliti, jurulatih luar, kokurikulum, askar wataniah, kompeten, dinamisme, kebolehpercayaan.

1.0 PENGENALAN

Kokurikulum merupakan kriteria wajib yang perlu diikuti oleh para pelajar yang mengikuti program pengajian di politeknik Malaysia. Badan Beruniform askar wataniah merupakan salah satu badan beruniform yang terdapat didalam kokurikulum penilaian di politeknik Malaysia. Bermula sesi Jun 2014, penilaian kokurikulum politeknik telah menetapkan bahawa para pelajar yang mengikuti kokurikulum badan beruniform perlulah mengikuti sehingga ke semester akhir. (*Garis panduan askar wataniah politeknik Malaysia, 2015*).

Sejak dulu lagi khidmat jurulatih luar yang terdiri daripada jurulatih terlatih dari Angkatan Tentera Malaysia yang terdiri daripada anggota-anggota askar melayu di raja Malaysia, renjer di raja Malaysia dan beberapa lagi unit lain anggota tetap telah di beri amanah untuk membantu pensyarah melatih para pelajar di dalam badan beruniform askar wataniah. Di dalam kokurikulum askar wataniah, para pelajar akan diterapkan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang menerapkan elemen-elemen positif ciri-ciri kepimpinan hebat dan pelbagai ilmu disiplin tentera (*Garis panduan askar wataniah politeknik Malaysia, 2015*).

Menurut (Rohana, Azlin, & Habshah, 2015) kredibiliti seseorang pendidik merupakan faktor utama dalam melahirkan modal insan negara yang dinamik dan berdaya saing seiring dengan arus globalisasi. Justeru itu bagi membentuk modal insan yang mapan seorang jurulatih mestilah mempunyai kredibiliti yang mantap terlatih dan dinamik bagi melahirkan generasi muda yang berwawasan berdaya saing dan mempunyai nilai-nilai positif yang tinggi. Dalam bidang sukan dan permainan sebagai contoh, jurulatih bertindak sebagai pemimpin pasukan dengan memberi kemahiran dan keyakinan kepada atlet di bawah bimbingannya agar dapat berdaya saing semasa menyertai pertandingan (Patterson, Carron, & Loughhead, 2005).

Menurut pernyataan daripada penolong ketua kompeni alpha yang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus anggota askar wataniah politeknik sultan abdul halim muadzam shah (POLIMAS), Leftenan Mohd Zaki Bin Othman data pengambilan anggota baru yang ingin menyertai badan beruniform askar wataniah telah menunjukkan peningkatan semenjak 2 tahun lepas kesan daripada khidmat logistik dan sesi pengajaran yang lebih teratur dan terancang dengan bantuan jurulatih luar yang berperanan penting mengurus dan mengatur sebarang keperluan terutama dari sudut logistik diantara pihak rejimen dan pihak politeknik. Justeru itu kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana persepsi para pelajar yang mengambil kokurikulum badan beruniform "Askar Wataniah" terhadap kredibiliti jurulatih luar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi sesi disember 2015. Ianya dilihat dari beberapa aspek tertentu seperti kebolehpercayaan terhadap jurulatih, tanggapan terhadap kompetensi jurulatih, dinamisme jurulatih dan perlakuan semasa jurulatih.

1.1 PENYATAAN MASALAH

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana persepsi para pelajar yang mengambil kokurikulum badan beruniform "Askar Wataniah" terhadap kredibiliti jurulatih luar di dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi sesi disember 2015. Ianya dilihat dari beberapa aspek tertentu seperti kebolehpercayaan terhadap jurulatih, tanggapan terhadap kompetensi jurulatih, dinamisme jurulatih dan perlakuan semasa jurulatih.

1.2 OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk:

- Mengukur persepsi para pelajar yang mengambil kokurikulum badan beruniform askar wataniah terhadap jurulatih luar.
- Melihat sejauh mana kebolehpercayaan, tanggapan, dinamisme dan perilaku jurulatih memberi kesan terhadap minat para pelajar di dalam kokurikulum askar wataniah.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Diantara beberapa persoalan yang berkaitan dengan persepsi pelajar mengenai kredibiliti serta perkaitannya dengan dimensi-dimensi yang mempengaruhi kredibiliti jurulatih adalah:

- Apakah tahap persepsi pelajar yang menyertai askar wataniah terhadap jurulatih luar?
- Apakah tahap kebolehpercayaan, kompetensi, dinamisme dan perlakuan semasa jurulatih mempengaruhi pembelajaran pelajar?

1.3 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada para pelajar yang mengikuti kokurikulum askar wataniah yang terdiri daripada setiap jabatan bagi sesi disember 2015.

Antara aspek-aspek yang diambil kira dalam penyelidikan ini adalah berkaitan dengan tahap kebolehpercayaan pelajar terhadap jurulatih, kompetensi jurulatih luar, dinamisme jurulatih dan perlakuan semasa jurulatih luar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan oleh pihak jurulatih, pihak politeknik dan pihak rejimen bagi:

- Mengatasi kelemahan penyampaian proses pengajaran dan pembelajaran jurulatih luar.
- Mengenalpasti kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
- Sebagai rujukan kepada kajian- kajian pada masa hadapan.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada para pelajar yang menyertai badan beruniform askar wataniah bagi sesi disember 2015 di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS), dan diantara batasan kajian adalah seperti berikut:

- Kekangan masa yang amat terhad.
- Soal selidik diedarkan pada minggu keempat perkuliahan, proses pengajaran dan pembelajaran baru bermula.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Mengikut Hurt (1977) kredibiliti atau kepakaran merupakan salah satu elemen keberkesanan yang penting yang perlu ada pada mana-mana pendidik ketika pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Ini adalah kerana kredibiliti yang dipamerkan oleh pendidik semasa proses P&P berlangsung dikatakan mampu mendorong para pelajar untuk meningkatkan hasil pembelajaran dan pencapaian akademik mereka (Cooper & Simmonds, 1999; Koug, 1997; Teven & Mc Crosky, 1997). Justeru itu, ciri-ciri personaliti yang baik perlulah dipamirkan kerana dapat menjurus kepada peningkatan motivasi dan pembelajaran yang berkesan kepada pelajar (Rhee & Pintrich, 2004). Didalam konteks sukan dan permainan pula, kredibiliti seorang jurulatih yang tinggi akan memberi impak positif terhadap prestasi pemain (Niru, 2005), (Din & Rashid, 2006) (Esa, Khalid, Ilyani, & Ali, 2014).

Menurut Myres (2004) pula, kredibiliti pendidik merupakan pembolehubah penting yang dapat mempengaruhi hubungan di antara pendidik dan pelajar terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Pendapat ini diperkukuhkan lagi oleh Gordon (2001), yang menyatakan bahawa kredibiliti dilihat sebagai petunjuk kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran yang menunjukkan bahawa pendidik yang berkesan mampu membawa perubahan di dalam tingkah laku pelajar, motivasi dan hasil pembelajaran. Kredibiliti seseorang juga berkait rapat dengan gaya kepimpinan seseorang. Sekiranya kredibiliti seseorang itu tinggi gaya kepimpinan yang ditonjolkan juga berkesan. Kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif antara gaya kepimpinan jurulatih dalam kalangan atlet dengan kepuasan atlet. (Din & Rashid, 2006).

(Haskin, 2000), menyatakan terdapat beberapa dimensi yang berkaitan dengan kredibiliti antaranya kebolehpercayaan, kompetensi, dinamisme dan perlakuan semasa pendidik. Hal yang demikian, kredibiliti seorang pendidik juga dikatakan berupaya memberi impak yang tinggi dalam hasil pembelajaran para pelajar (McCroskey, Holdridge & Tomb, 1974). Justeru, penilaian terhadap pendidik merupakan satu perkara yang perlu dilakukan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dapat dijalankan dengan berkesan. Menurut Abdul Aziz (2000), penilaian seorang pendidik dalam konteks pembelajaran boleh dilihat dari tiga aspek iaitu, kemahiran mereka mengajar, kemahiran mereka dalam mengetahui selok belok subjek dan personaliti mereka semasa menjalankan proses pengajaran & pembelajaran (P&P).

Doyle (2008) pula menyatakan bahawa kredibiliti terdiri daripada satu atau lebih kemahiran penguasaan yang akan memberi kesan kepada pencapaian hasil pembelajaran pelajar. Kompetensi juga dikatakan mempunyai hubungan dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap. Oleh kerana kompetensi dapat diukur, jadi ia boleh digunakan untuk menilai kecekapan prestasi seorang pendidik.

KEBOLEHPERCAYAAN

Dimensi pertama kredibiliti iaitu kebolehpercayaan adalah merujuk kepada tahap tanggapan anggota terhadap seseorang jurulatih dalam penyampaian bahan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Haskin (2000), kepercayaan daripada pelajar boleh diperolehi melalui proses komunikasi pedagogi seorang guru semasa penyampaian proses P&P. Evans (2012) pula berpendapat, kepercayaan merujuk kepada tanggapan para pelajar dari segi penyampaian kandungan maklumat yang tepat serta boleh dipercayai. Keyakinan anggota tentang kebolehpercayaan terhadap jurulatih secara tidak langsung boleh mewujudkan hubungan yang positif diantara anggota dengan jurulatih. Bagi memastikan proses P&P berjalan dengan lancar, seseorang jurulatih mestilah mengambil kira tahap kefahaman anggota supaya proses pengajaran dan pembelajaran berkesan dapat dicapai.

KOMPETENSI

Dimensi kredibiliti kedua kompetensi pula merujuk kepada kebolehan atau kemampuan seseorang untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang diinginkan. Menurut (Rohana et al., 2015) kompetensi juga dikatakan sebagai gabungan yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan sikap yang berperanan sebagai asas untuk berinteraksi dengan mausia lain dalam melaksanakan tugas. Oleh itu, seorang jurulatih yang kompeten dikatakan berkemampuan untuk menyampaikan pengetahuan dengan jelas, mempunyai

keupayaan menjawab soalan-soalan serta dapat berkomunikasi dengan berkesan (Tevan & Hanson, 2004). Justeru itu, jurulatih perlulah mempamerkan kecermelangan mereka dalam bidang kepakaran mereka masing-masing.

DINAMISME

Kredibiliti dimensi ketiga iaitu dinamisme pula merujuk kepada cara penyampaian proses P&P seseorang jurulatih semasa berinteraksi dengan anggota (Stiff & Mongue, 2003). Oleh itu, adalah penting bagi seorang pendidik untuk mengemukakan bahan-bahan bantu mengajar agar dapat merangsang minat anggota berkaitan dengan topik diajar. Justeru itu, kepelbagaian dalam penyampaian pengajaran, penggunaan teknologi, permainan, perbincangan, dan penyiasatan semua kaedah yang memberi kepelbagaian kepada persembahan bahan hendaklah dipraktikkan dengan syarat seseorang pendidik itu perlulah sentiasa cergas dan bersemangat serta bertanggungjawab dalam penyampaian yang diberi. Jadi boleh dikatakan bahawa seorang jurulatih yang berdinamisme mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih seronok serta ceria.


PERLAKUAN SEMASA

Dimensi kredibiliti yang terakhir iaitu perlakuan semasa yang dipaparkan oleh seorang jurulatih dapat mengurangkan jurang fizikal dan psikologi diantara jurulatih dan anggota. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan pembelajaran kognitif dan afektif pelajar (Gorham, 1988; Richmond, Gorham & McCrosky, 1987). Justeru itu, perlakuan semasa ini mampu memberi impak positif terhadap tindak balas anggota ke atas seseorang jurulatih. Menurut Thweatt dan McCroskey (1998), kredibiliti seseorang pendidik dapat ditingkatkan dengan memaparkan perlakuan semasa yang positif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Ini diakui oleh Beatty dan Zahn (1990), yang menyatakan bahawa perkaitan diantara perlakuan semasa yang positif dapat menarik minat anggota dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan secara tidak langsung ianya meningkatkan kredibiliti seseorang jurulatih.

3.0 METADOLOGI KAJIAN

Kerangka konseptual kajian adalah seperti berikut:

3.1 Kerangka Konseptual Kajian



3.2 Rekabentuk kajian

Kajian kes ini telah menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Soal selidik yang diberikan kepada responden telah diubahsuai dari hasil kajian yang dilakukan oleh (Haskin, 2000) dan (Rohana

et al., 2015). Analisis data adalah menggunakan SPSS Versi 11.5 manakala rekabentuk yang diutamakan ialah kajian deskriptif yang digunakan untuk mengukur pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan fenomena tanpa menyoal mengapa pembolehubah-pembolehubah tersebut wujud (Majid, 1990).

3.3 Populasi dan saiz sample kajian

Populasi kajian ini melibatkan keseluruhan para pelajar yang menyertai kokurikulum badan beruniform askar wataniah sesi Disember 2015 di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah POLIMAS. Kajian ini menggunakan kaedah persampalan seluruh populasi berjumlah 144 orang pelajar dengan bertujuan supaya hasil kajian yang diperolehi dapat memberikan gambaran sebenar dari sudut persepsi pelajar (Najib, 2003).

4.0 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Profil Responden

Jadual 4.1: Profil Responden

Angkubah Demografi	Populasi (P = 144)	
	Frekuensi	Peratus
1. Jantina		
o Lelaki	73	50.7
o Perempuan	71	49.3
2. Umur		
o 19 tahun tahun ke bawah	11	7.6
o 19 – 21 tahun	125	86.8
o 21 tahun ke atas	8	5.6
3. Bangsa		
o Melayu	144	100
o Cina	0	0
o India	0	0
o Lain-lain	0	0
4. Jabatan		
o Perdagangan	38	26.4
o Mekanikal	32	22.2
o Elektrik	30	20.8
o Awam	34	23.6
o Teknologi maklumat dan komunikasi	10	6.9

Merujuk kepada jadual 4.1, sebanyak 86.8% pelajar yang menyertai kokurikulum badan beruniform askar wataniah adalah dalam lingkungan umur 19 hingga 21 tahun, dan 100% pelajar yang menganggotai badan beruniform askar wataniah adalah terdiri daripada bangsa melayu. Ini menunjukkan bahawa bangsa-bangsa lain kurang berminat untuk menyertai unit beruniform askar wataniah. Pendedahan dan pelbagai inisiatif seperti mendapatkan khidmat jurulatih bukan melayu mungkin boleh menarik minat bangsa bukan melayu untuk menyertai badan beruniform askar wataniah yang merupakan benteng ke dua pertahanan Negara.

4.2 Analisis Deskriptif Pembolehubah

Jadual 4.2: Analisis deskriptif pembolehubah mengikut dimensi

Pembolehubah Mengikut Dimensi	N = 144	
	Min	Varians
Kebolehpercayaan	3.41	0.25
Kompetensi	3.41	0.25
Dinamisme	3.39	0.25
Perlakuan semasa	3.38	0.24

Jadual 4.3: Analisa pembolehubah dimensi kebolehpercayaan mengikut item

Bil	Pembolehubah Kebolehpercayaan Mengikut Item	N = 144	
		Min	Varians
1.	Ikhlas menyebarkan maklumat	3.33	0.24
2.	Jujur dalam menyampaikan maklumat	3.44	0.26
3.	Sumber – sumber hasil P&P boleh dipercayai	3.37	0.25
4.	Sentiasa memberi penerangan yang jelas untuk mengukuhkan kefahaman pelajar	3.47	0.26
5.	Sentiasa berkeyakinan semasa menyampaikan kuliah kepada pelajar	3.47	0.26
6.	Mengamalkan sikap berterus terang terhadap masalah yang diutarakan oleh pelajar	3.44	0.26
7.	Berkeupayaan memberi penekanan dari segi kekuatan terhadap sumber sumber maklumat yang diperolehi/digunakan.	3.35	0.23
8.	Berkeupayaan memberi penekanan dari segi kelemahan terhadap sumber sumber maklumat yang diperolehi/digunakan.	3.44	0.25
9.	Sentiasa menggalakkan pembelajaran aktif dengan melibatkan pelajar semasa pelaksanaan proses P&P	3.42	0.25

Merujuk kepada jadual 4.3 analisa pembolehubah dimensi kebolehpercayaan min paling tinggi (3.47) adalah item no 4 dan 5 iaitu berkaitan penerangan yang jelas dan berkeyakinan semasa menyampai kuliah. Ini menunjukkan jurulatih luar mempunyai suara yang jelas semasa memberi penerangan dan ini akan meningkatkan keyakinan para pelajar untuk memberi tumpuan kepadanya.

Jadual 4.4: Analisa pembolehubah dimensi kompetensi mengikut item

Bil	Pembolehubah Kompetensi Mengikut Item	N = 144	
		Min	Varians
1.	Berkeupayaan menguasai pengetahuan yang disebarkan dengan sangat baik.	3.28	0.23
2.	Berkeupayaan untuk menyampaikan maklumat dengan jelas.	3.35	0.24
3.	Berkeyakinan tinggi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar.	3.36	0.27

4.	Dapat menguasai topik-topik yang diajar dengan cemerlang.	3.41	0.26
5.	Penyampaian sesuatu topic dilakukan dengan sistematik	3.42	0.26
6.	Penyampaian maklumat yang tinggi kesahihan	3.47	0.26
7.	Membuat persediaan yang rapi sebelum memberi kuliah.	3.47	0.26
8.	Berkeyakinan semasa memberi kuliah kepada pelajar	3.47	0.26
9.	Dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu topik/isu dengan menghubungkan pengalaman sebenar/semasa.	3.44	0.25

Merujuk kepada jadual 4.4 analisa pembolehubah dimensi kompetensi min paling tinggi (3.47) adalah item no 6, 7 dan 8 iaitu berkaitan maklumat yang tinggi kesahihan dan persediaan sebelum memberi kuliah. Hasil dari dapatan tersebut menunjukkan maklumat yang diberi oleh jurulatih luar adalah tepat sebagaimana didalam silibus kerana merujuk kepada pengalaman-pengalaman yang dikongsikan kepada para pelajar.

Jadual 4.5: Analisa pembolehubah dimensi dinamisme mengikut item

Bil	Pembolehubah Dinamisme Mengikut Item	N = 144	
		Min	Varians
1.	Berkeupayaan menguasai persekitaran pembelajaran dengan berkesan.	3.33	0.22
2.	Berkeupayaan mengawal persekitaran pembelajaran dengan berkesan.	3.44	0.25
3.	Dapat meningkatkan keterujaan pelajar untuk belajar.	3.33	0.25
4.	Sentiasa mempamirkan keperibadian yang ceria.	3.36	0.25
5.	Sentiasa bertenaga semasa memberi kuliah kepada pelajar.	3.38	0.25
6.	Menggunakan kepelbagaian kaedah penyampaian (dari segi intonasi suara dan gerak badan)	3.47	0.26
7.	Dapat meningkatkan minat pelajar melalui kepelbagaian pendekatan seperti video, cerita dll.	3.43	0.27

Merujuk kepada jadual 4.5 analisa pembolehubah dimensi dinamisme hanya satu item mempunyai min paling tinggi (3.47) iaitu item no 6 berkaitan pelbagai kaedah penyampaian. Ini menunjukkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh jurulatih luar semasa kuliah adalah pelbagai menyebabkan para pelajar memberi analisa yang tinggi kepada jurulatih luar.

Jadual 4.6: Analisa pembolehubah dimensi perlakuan semasa mengikut item

Bil	Pembolehubah Perlakuan Semasa Mengikut Item	N = 144	
		Min	Varians
1.	Penyampaian kuliah dilakukan dalam keadaan yang selasa.	3.31	0.22
2.	Jurulatih sentiasa tenang semasa mengajar.	3.38	0.24
3.	Semua pelajar tidak diabaikan semasa kuliah disampaikan.	3.35	0.23
4.	Semua pelajar dilayan dengan adil dan saksama	3.40	0.24
5.	Sentiasa mengukir senyuman kepada pelajar semasa pelaksanaan P&P.	3.40	0.24
6.	Suasana ke akrahan di antara jurulatih dan pelajar dapat diwujudkan semasa proses P&P dilaksanakan.	3.36	0.23

7.	Berkeupayaan mengurangkan jurang psikologi diantara pendidik dan pelajar.	3.40	0.24
8.	Sentiasa mengamalkan sikap toleransi yang tinggi dengan pelajar.	3.42	0.24

Merujuk kepada jadual 4.6 analisa pembolehubah dimensi perlakuan hanya satu item mempunyai min paling tinggi (3.42) iaitu item no 8 berkaitan sikap toleransi tinggi. Hasil dapatan tersebut menunjukkan jurulatih luar mempunyai budibicara yang tinggi walaupun dalam sistem wataniah yang memerlukan kepada menurut kepada arahan yang tinggi.

Secara keseluruhannya, bacaan min untuk kesemua item pembolehubah bebas adalah melebihi nilai 3.3 ini menunjukkan bahawa kredibiliti jurulatih luar adalah tinggi pada persepsi pelajar.

5.0 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Perbincangan

Jurulatih luar yang dilantik untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran kokurikulum askar wataniah adalah terdiri daripada anggota-anggota askar tetap yang terlatih. Mereka telah dilatih dan diberi pendedahan yang secukupnya dalam melatih anggota baru askar wataniah. Pengalaman yang meluas dan ilmu tentera yang sebatian di dalam diri dicurahkan dan dikongsi bersama dengan para pelajar yang menyertai badan beruniform askar wataniah. Dalam kajian yang telah di jalankan, persepsi tentang kredibiliti jurulatih luar dalam proses pengajaran dan pembelajaran kokurikulum askar wataniah adalah pada tahap yang tinggi. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar sangat yakin dengan kompetensi dan kredibiliti jurulatih luar dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Ini juga dapat dibuktikan dengan peningkatan anggota baru yang menyertai kokurikulum askar wataniah semenjak dua tahun lepas berdasarkan kenyataan oleh penolong ketua kompeni alpha askar wataniah Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (POLIMAS).

Kredibiliti seseorang jurulatih memainkan peranan yang penting dalam menentukan hasil pembelajaran setiap anggota. Hasil dapatan kajian menunjukkan jurulatih luar yang berkredibiliti mampu meningkatkan pengetahuan para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Justeru itu, pengetahuan dan nilai-nilai yang positif perlu dipamirkan dalam diri seorang jurulatih luar perlulah diteruskan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan.

5.2 Kesimpulan

Hasil penemuan daripada kajian ini mendapati kebolehpercayaan, kompetensi, dinamisme dan perlakuan semasa yang membentuk kredibiliti seseorang jurulatih luar adalah pada tahap yang tinggi. Jadi boleh dirumuskan bahawa para pelajar sangat yakin dengan kredibiliti jurulatih luar dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan kredibiliti ini merangkumi daripada bagaimana seseorang jurulatih luar menggunakan komunikasi secara lisan hinggalah kepada bahan-bahan pengajaran yang digunakan.

Dalam usaha untuk meningkat kredibiliti dan pengajaran berkesan, jurulatih luar perlulah mempraktikkan pelbagai kaedah melalui komunikasi, mempelbagaikan aktiviti dan menggunakan alat-alat bantuan mengajar yang baik kerana ia mampu mempengaruhi persepsi pelajar terhadap kebolehan jurulatih luar khususnya dan proses pembelajaran secara umumnya.

Impak pembelajaran yang lebih besar dapat dicapai apabila seseorang jurulatih luar juga mampu memperbaiki tingkah laku mereka sewaktu pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, komitmen yang tinggi adalah sangat dituntut bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Hal yang demikian, jurulatih sebagai golongan yang terlatih perlulah bersedia untuk menerima perubahan dengan sentiasa menambah nilai keintelektualan kerana mereka merupakan agen perubahan dalam menghasilkan modal insan yang diperlukan oleh Negara.

5.3 Cadangan dan Saranan

Bagi mendapatkan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, seorang pendidik mestilah terdiri daripada orang yang terlatih dan mahir dalam penguasaan bidang masing-masing. Justeru itu, khidmat jurulatih luar untuk terus membantu pensyarah kokurikulum dalam proses pengajaran dan pembelajaran kokurikulum askar wataniah perlu lah diteruskan pada masa-masa yang akan datang.

Selain itu kajian juga menunjukkan bahawa 100% pelajar yang menganggotai badan beruniform askar wataniah adalah terdiri daripada bangsa melayu. Ini menunjukkan bahawa bangsa-bangsa lain kurang berminat untuk menyertai unit beruniform askar wataniah. Pendedahan dan pelbagai inisiatif seperti mendapatkan khidmat

jurulatih bukan melayu mungkin boleh menarik minat bangsa bukan melayu untuk menyertai badan beruniform askar wataniah yang merupakan banteng ke dua pertahanan Negara.

RUJUKAN

- Din, A., & Rashid, S. A. (2006). *Gaya Kepimpinan Jurulatih Dalam Program Latihan*, (2003), 1–13.
- Esa, A., Khalid, K., Ilyani, A., & Ali, B. (2014). *Penerapan dan Kesedaran Kemahiran Kepimpinan Menerusi Kokurikulum Silat dalam Kalangan Pelajar UTHM*, (2007).
- Garis panduan askar wataniah politeknik Malaysia*. (2015). *Perpustakaan Negara Malaysia*.
<http://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Haskin, W. . (2000). *Ethos and pedagogical communication: Suggestions for enhancing credibility in the classroom.*, 3(Current Issue in education).
- Najib, M. A. . (2003). *Penyelidikan pendidikan*, (4th edition). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Niru, K. A. (2005). *Program latihan peranan jurulatih dan keberkesanan di satu agensi kerajaan di sarawak*.
- Rohana, I., Azlin, Y., & Habshah, A. B. (2015). *Persepsi pelajar terhadap kredibiliti pengajaran dan pembelajaran (pnp) pendidik di jabatan kejuruteraan elektrik, politeknik sultan abdul halim muadzam shah (polimas): satu analisa ke atas pelajar semester akhir sesi disember 2013*. *Journal on Technical and Vocational Education*, 1(1), 42–51.